



SinarHarian



SinarOnline



SinarHarian



sinarharian



Sinar Harian



Sinar Harian Official

>> KHAS > COVID-19 > Fasa kedua program imunisasi diteruskan seperti dirancang: Khairy

Fasa kedua program imunisasi diteruskan seperti dirancang: Khairy

|| 12 April 2021



8 Perangai Buruk Penyewa Buat Tuan Rumah Naik Hantu

iProperty.com.my | Sponsored

A⁻ A⁺

[Baca cerita seterusnya >](#)

PUTRAJAYA - Fasa kedua Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan diteruskan seperti dirancang bermula 19 April ini, walaupun negara berhadapan dengan proses penerimaan vaksin yang perlahan, kata Menteri Penyelaras Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Khairy Jamaluddin Abu Bakar.

Menurutnya bekalan vaksin yang diperolehi ketika ini perlahan, disebabkan rantai bekalan dunia kini berhadapan dengan pelbagai cabaran, serta sikap tamak negara maju yang membeli vaksin dalam kuantiti yang terlalu besar, melebihi jumlah penduduk.

Dalam sidang media perkembangan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan di sini pada Isnin bersama Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, Khairy berkata sikap tamak negara maju antara sebab negara membangun menghadapi masalah bekalan vaksin ketika ini.

“(Bagaimanapun) Kami (kerajaan) akan cuba untuk mempercepatkan penghantaran,” katanya sambil menambah jadual penerimaan bekalan vaksin seterusnya akan diumumkan kepada orang ramai.

Menurut Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi itu, Malaysia telah menerima 1.37 juta dos vaksin Covid-19.

“Seramai 979,794 individu telah menerima vaksin, di mana 583,903 individu telah menerima satu dos manakala 395,891 individu telah lengkap menerima dua dos,” katanya.

Beliau berkata, Malaysia akan menerima vaksin jenis Pfizer-BioNTech secara berperingkat bulan ini, iaitu 133,380 dos pada 14 April, 31,590 pada 15 April dan 12,870 pada 16 April.

Dalam perkembangan lain Khairy berkata, kerajaan telah bersetuju meletakkan pengamal media dalam senarai keutamaan menerima vaksin Covid-19.

“Masalah sekarang ialah bekalan (vaksin), bila bekalan dah cukup kita akan libatkan media,” katanya.

Diminta mengulas keputusan Malaysia menyalurkan 50,000 dos vaksin Covid-19 kepada Bosnia-Herzegovina, Khairy memberi jaminan bahawa ia tidak akan menjejaskan jadual pemberian imunisasi kepada rakyat negara ini.

“Keputusan ini mengambil kira bekalan sedia ada mengikut jadual Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan,” katanya. - Bernama

ARTIKEL BERKAITAN: 8 negeri, wilayah mulakan fasa kedua imunisasi: Khairy

Paling Terkini: 'Hubungan Zahid-Anwar sangat istimewa' ✕

8 Perangai Buruk Penyewa Buat Tuan Rumah Naik Hantu


iProperty.com.my | Sponsored

TERKINI | **POPULAR**

Baca cerita seterusnya >

- 1 'Hubungan Zahid-Anwar sangat istimewa'
- 2 Bekas juara dart dunia peluk Islam
- 3 Rakyat Malaysia 'kuat' layari laman sosial
- 4 Pemain Liga-M kena kawal emosi, jaga tingkah laku
- 5 PDRM, Interpol kerjasama buru kartel daging import

Dapatkan informasi dan statistik terkini penularan wabak Covid-19 di Malaysia di sini:
<https://info.sinarharian.com.my/koronavirus>



Artikel Berkaitan



Fasa kedua Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan bermula 19 April


PUTRAJAYA - [DIKEMASKINI] Fasa kedua Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan yang mengutamakan warga emas, orang kurang upaya dan golongan berpenyakit...



Kerjasama jayakan fasa kedua vaksin Covid-19

CAMERON HIGHLANDS - Kebersamaan semua pihak termasuk agensi kerajaan dan swasta diperlukan untuk menjayakan proses pendaftaran Program Imunisasi...

[Baca cerita seterusnya >](#)



Sabah capai sasaran suntikan vaksin Covid-19 fasa pertama

KOTA KINABALU - Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan peringkat negeri Sabah mencapai sasaran fasa pertamanya apabila seramai 42,292 individu terdiri...



Malaysia akan teruskan pembelian vaksin AstraZeneca

PUTRAJAYA - [DIKEMASKINI] Malaysia akan meneruskan proses penerimaan dan pembelian vaksin Covid-19 jenis AstraZeneca memandangkan tiada bukti...



312,390 dos vaksin Covid-19 akan tiba dalam penghantaran pertama

KUALA LUMPUR - Sebanyak 312,390 dos vaksin Pfizer-BioNTech Covid-19 akan diterima dalam penghantaran pertama ke Malaysia, pada 21 Februari depan. ...



Muhyiddin mulakan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan hari ini

KUALA LUMPUR - [DIKEMASKINI] Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan bermula secara rasmi pada Rabu dengan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin...

Warga emas diberi vaksin Sinovac mulai minggu depan

PUTRAJAYA - Vaksin Sinovac keluaran China akan diberikan kepada golongan warga emas berusia 60 tahun ke atas dalam Fasa 2 Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan bermula 19 April ini, kata menteri penyelarasan program berkenaan, Khairy Jamaluddin Abu ...

Sinarharian

8 Perangai Buruk Penyewa Buat Tuan Rumah Naik Hantu

iProperty.com.my | Sponsored

8 Perangai Buruk Penyewa Buat Tuan Rumah Naik Hantu

iProperty.com.my | Sponsored

[Baca cerita seterusnya >](#)

Newsletter

4/13/2021

Fasa kedua program imunisasi diteruskan seperti dirancang: Khairy

Berita Telus & Tulus hanya untuk anda setiap hari. Langgan Sekarang!

Email

Nama

Saya telah memahami dan bersetuju dengan Polisi Data Peribadi.

Langgan

8 Perangai Buruk Penyewa Buat Tuan Rumah Naik Hantu

IProperty.com.my | Sponsored

[Baca cerita seterusnya >](#)